

# JAKMAS KK1B dan Kediaman Ecopark serlahkan bakat mahasiswa UMS melalui penganjuran Pertandingan Video Kreatif

UB 20.11.2020 P.15

**KOTA KINABALU:** Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman 1 Borneo (KK1B) dan Kediaman Ecopark sesi 2019/2020 buat julung-julung kalinya menganjurkan program Pertandingan Video Kreatif kepada mahasiswa UMS.

Program ini dianjurkan sebagai suatu usaha mencungkil bakat mahasiswa UMS melalui penghasilan video di samping sebahagian daripada pengisian aktiviti harian didalam melalui fasa PKP pada ketika ini.

Pengarah Program pertandingan ini, Al Hidayah Awang melihat melalui kerjasama penganjuran JAKMAS Kolej Kediaman Luar iaitu KK1B dan Kediaman Ecopark ia dilihat mampu memberi nilai tambah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung seterusnya menyahut seruan gaya hidup Norma Baharu di dalam penganjuran program pada masa kini.

Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, Prof Madya Dr Raman Noordin terdahulu melihat smalan penganjuran program menggunakan platform media online adalah satu


**GAYA HIDUP KREATIF:** Keputusan pertandingan Gaya Hidup Kreatif.

usaha yang baik di samping ia dapat mencungkil bakat mahasiswa serta golongan ini mampu mengisi masa lapang di kala PKP sedang dilaksanakan.

Pertandingan Video Kreatif ini terdiri daripada dua kategori utama iaitu Kategori Langkah Pencegahan Covid-19 di mana tempat pertama,

kedua dan ketiga masing-masing adalah Emily Gunn Shian Mun, Dendbryn Avictus dan Lim Hui Wen.

Manakala bagi Kategori Gaya Hidup Produktif tempat pertama, kedua dan ketiga masing-masing adalah Nur Artika Nabilah Mohamad Anazim, Ayuni Nasrin Mohd Sukiri dan Sikman Nasil.



# TAHNIHAH!!!

KEPADA PEMENANG PERTANDINGAN VIDEO KREATIF YANG BERTEMAKAN "BERSAMA KITA MEMBANTERAS COVID-19"



## TEMPAT PERTAMA

**EMILY GUNN SHIAN MUN**

[emilygunn21](#)

## TEMPAT KEDUA

**DENDRON AVITUS**

[\\_bryandend](#)

## TEMPAT KETIGA

**YVONNE LIM**


[yvonne.lim](#)

KATEGORI:

LANGKAH  
PENCEGAHAN  
COVID-19

[@KolejKediamanLuarUMS](#)

[@OfficialKolejLuarUMS](#)



UMS KAMPUS RAHMAH  
KOLEJ KEDIAMAN LUAR UMS

